

MEMO PERHUBUNGAN
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

DARIPADA	KJHEP	TARIKH	29 MAC 2026
		RUJUKAN	PJK.J05.700-3/2 (1)
KEPADA	SEMUA STAF DAN SEMUA PELAJAR		
SALINAN	PENGARAH, TP, TPA		
PERKARA	PEMAKLUMAN PENUBUHAN KELAB BERDAFTAR DI BAWAH JABATAN HAL EHWAL PELAJAR		

Tuan,

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah menambah baik dan menyelaras proses penubuhan serta pendaftaran kelab/persatuan pelajar bagi memastikan setiap organisasi pelajar di Politeknik Jeli Kelantan beroperasi dengan tersusun, sah dan teratur. Proses ini juga bertujuan memudahkan pelajar dan penasihat dalam merancang serta mengurus aktiviti kelab.

3. Sehubungan dengan itu, proses lengkap penubuhan dan pendaftaran kelab telah disediakan melalui Lampiran A untuk rujukan pelajar dan penasihat. Lampiran tersebut mengandungi langkah-langkah serta keperluan yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu kelab disahkan sebagai kelab berdaftar di bawah JHEP.

4. JHEP amat menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam kegiatan kelab sebagai usaha memperkasa kepimpinan, sahsiah dan kemahiran insaniah. Sokongan dan kerjasama daripada penasihat kelab juga amat dihargai dalam memastikan setiap kelab dapat berfungsi dengan baik serta memberi manfaat kepada semua ahli.

5. Diharapkan dengan pemakluman ini dapat membantu pelajar dan penasihat memahami proses pendaftaran dengan lebih jelas dan memudahkan pengurusan penubuhan kelab yang baharu.

Sekian.


(NAWAWI BIN ISMAIL)

CARTA ALIR PENUBUHAN KELAB / PERSATUAN

1. Cadangan Awal

1

- Pelajar / kumpulan pelajar mengenal pasti keperluan menubuhkan kelab atau persatuan baharu.
- Menyediakan *kertas cadangan ringkas* (Rujuk HEP untuk template kertas cadangan)

2. Serahan kepada Pensyarah Penasihat

2

- Cari dan lantik seorang pensyarah sebagai penasihat.
- Penasihat menyemak dan memberi sokongan bertulis.

3. Hantar Permohonan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)

3

- Serahan dokumen lengkap:
 - Borang penubuhan
 - Kertas cadangan
 - Sokongan penasihat
- HEP membuat semakan kelengkapan

4. Semakan & Kelulusan HEP

4

- HEP menilai kesesuaian, risiko, kesamaan dengan kelab sedia ada, dan justifikasi keperluan.
- Jika perlu, HEP memanggil wakil pelajar untuk sesi penerangan.
- HEP meluluskan atau mengembalikan permohonan untuk pembetulan.

5. Pengesahan Pengarah Politeknik

5

- Dokumen diluluskan HEP dibawa kepada Pengarah untuk kelulusan rasmi.
- Surat kelulusan / penubuhan dikeluarkan.

6. Pendaftaran Rasmi Kelab / Persatuan

6

- HEP memasukkan kelab ke dalam senarai rasmi persatuan pelajar.
- Pelajar menerima nombor pendaftaran / kod kelab.

7

7. Mesyuarat Agung Pertama (AGM)

- Kelab wajib mengadakan AGM untuk memilih AJK rasmi.
 - Minit mesyuarat dan senarai AJK dihantar kepada HEP.
-

8

8. Operasi Rasmi Kelab

- Kelab boleh mula merancang aktiviti, memohon peruntukan, dan menjalankan program mengikut garis panduan HEP.